

## **BAB 6**

### **KESIMPULAN dan PENUTUP**

Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam Bab 1, kajian ini bertujuan meneliti penyimpangan bahasa yang terdapat dalam karya sastera, iaitu berdasarkan dua buah novel pilihan. Dalam Bab 2 dikemukakan latar belakang Teori Transformasi Generatif (TTG), rumus-rumus tatabahasa, morfologi, dan sintaksis bahasa Melayu. Bab 3 dan Bab 4 pula berisi analisis sampel penyimpangan bahasa daripada teks sastera yang dikaji, iaitu *Tok Guru* karya Shahnon Ahmad dan novel *Di Hadapan Pulau* karya A. Samad Said. Bab 5 memuatkan perbandingan penyimpangan bahasa kedua-dua novel tersebut, manakala Bab 6 merupakan kesimpulan dan penutup.

Daripada analisis yang dilakukan terhadap penggunaan bahasa dalam kedua-dua teks sastera itu, didapati bahawa penggunaan bahasa yang digunakan dapat dianalisis berdasarkan rumus-rumus yang dikemukakan dalam Bab 2. Hasil analisis tersebut menunjukkan bahawa sememangnya wujud dan berlaku penyimpangan bahasa dalam karya sastera walaupun dalam jumlah yang minimum.

Dalam bab ini, secara ringkas akan diuraikan rumusan dapatan penyimpangan bahasa yang berlaku dalam karya sastera yang dikaji daripada tiga segi, iaitu penyimpangan tatabahasa, penyimpangan morfologi, dan penyimpangan sintaksis.

Di bawah merupakan rumusan yang dibuat hasil daripada kajian ini.

1. Penyimpangan bahasa secara keseluruhannya *TG* mencatatkan sejumlah 228 penyimpangan bahasa, manakala *DHP* mencatatkan sebanyak 48 penyimpangan bahasa sahaja.
2. Penyimpangan morfologi (imbuhan) *TG* berjumlah 51 penyimpangan, iaitu sebanyak 22.37%. *DHP* mencatatkan penyimpangan sebanyak 11 atau sebanyak 22.92%.
3. Penyimpangan golongan kata, *TG* berjumlah 34 penyimpangan bersamaan 14.91%. *DHP* tidak diperoleh sebarang penyimpangan golongan kata.
4. Penyimpangan KSN, *TG* berjumlah 55 penyimpangan, iaitu 24.12%. *DHP* pula berjumlah 11 penyimpangan bersamaan 22.92%.

5. Penyimpangan KP, *TG* mencatatkan 14 penyimpangan, iaitu 6.14%, manakala *DHP* mencatatkan sejumlah 1 penyimpangan, iaitu sebanyak 2.08%.
6. Penyimpangan struktur DM, *TG* mencatatkan 1 penyimpangan sahaja, iaitu 0.44%. *DHP* tidak diperoleh penyimpangan struktur DM.
7. Penyimpangan K Bil, *TG* mencatatkan 8 penyimpangan bersamaan 3.51%. *DHP* pula tidak diperoleh penyimpangan K Bil.
8. Penyimpangan darjah penghabisan KA, *TG* berjumlah 2 penyimpangan bersamaan 0.88%, manakala *DHP* tidak diperoleh penyimpangan ini.
9. Penyimpangan bentuk jamak, *TG* mencatatkan sejumlah 15 penyimpangan, iaitu 6.58%. *DHP* pula hanya mencatatkan 2 penyimpangan, iaitu 6.25%.
10. Penyimpangan sintaksis, *TG* mencatatkan sejumlah 48 penyimpangan, iaitu bersamaan 21.05%. *DHP* pula mencatatkan sejumlah 22 penyimpangan, iaitu 45.83%.

Seperti mana yang telah dijelaskan terdahulu (Bab 1), kebanyakan penulis dan sasterawan sering mengaitkan penyimpangan bahasa dengan *poetic license* atau kebebasan penulis. *Poetic License* atau kebebasan penulis yang dijadikan sandaran itu 'membenarkan' mereka untuk menyimpang daripada aturan bahasa yang sebenar. *Poetic License* telah menjadi satu bentuk *escapism* kepada sasterawan atau penulis apabila hasil karya mereka dipersendakan dan dipertikaikan dari segi gaya bahasa yang tidak mematuhi peraturan.

Berpandukan pola atau jenis penyimpangan bahasa yang telah ditunjukkan di atas, ternyata bahawa penyimpangan bahasa dalam *Tok Guru* mengatasi *Di Hadapan Pulau* (lihat jadual 5.1). Seperti mana yang telah dijelaskan dalam Bab 1, penyimpangan bahasa ini mungkin ada kaitannya dengan sudut pandangan pengarang. Sudut pandangan atau jenis pandangan, iaitu cara pengarang meletakkan kedudukan dirinya ketika mengembangkan plot novel *Tok Guru* dan *Di Hadapan Pulau* adalah berbeza.

Pemilihan sudut pandangan adalah penting dalam sesebuah novel untuk menghuraikan penceritaan yang lebih berkesan. Mark Schorer menjelaskan bahawa

*When we speak of technique (as point of view), we speak of nearly everything. For technique is the means by which the writer's experience, which his subject matter, compels him to attend to it; technique is the only means he has if discovering, exploring,*

*developing his subject, of conveying its meaning, and finally, of evaluating it.*<sup>1</sup>

Maksudnya, apabila kita berbincang tentang teknik (sudut pandangan), kita telah memperkatakan novel hampir keseluruhannya. Dengan pemilihan sudut pandangan dalam pembinaan novel, bermakna seluruh unsur intrinsik novel sudah disatukan. Sudut pandangan ialah yang terpenting dan merupakan pengalaman pengarang tentang karyanya. Sudut pandangan merupakan satu-satunya saluran pengarang untuk menemui sesuatu, mengembara dan mengembangkan serta meluaskan karyanya.

Kajian ini bermula dengan hipotesis bahawa penggunaan bahasa dalam karya sastera atau karya kreatif banyak yang menyalahi atau menyimpang daripada aturan bahasa yang ditetapkan. Dalam kajian ini telah dibuktikan bahawa sememangnya berlaku penyimpangan bahasa, khususnya dari segi tatabahasa, morfologi, dan sintaksis dalam karya sastera.

Kajian ini juga membuktikan bahawa A. Samad Said yang menggunakan sudut pandangan orang ketiga dalam *Di Hadapan Pulau* telah melakukan penyimpangan bahasa sama ada secara disedari atau tidak, atau secara disengajakan atau sebaliknya. Shahnon Ahmad dalam *Tok Guru* yang

---

<sup>1</sup>J.E. Tilford Jr. 1968. "Point of View in the Novel". Dalam Shiv K. Kumar dan Keith McKean (ed). *Critical Approaches to Fiction*. USA : McGraw Hill Books Co. Hlm. 305-306.

menggunakan sudut pandangan orang pertama berubah-ubah dan dengan menggunakan teknik aliran kesedaran (*stream of consciousness*) juga telah melakukan penyimpangan bahasa. Walau bagaimanapun, penyimpangan bahasa oleh Shahnon Ahmad dikatakan sebagai penyimpangan bahasa disedari dan disengajakan. Dalam perkataan lain, Shahnon Ahmad telah memanipulasikan penggunaan bahasa yang berpaksi pada konsep *poetic license*. Sebaliknya, A. Samad Said dikatakan melakukan penyimpangan bahasa tanpa sebarang tujuan atau maksud tertentu. Oleh itu, penyimpangan bahasa dalam *Di Hadapan Pulau* merupakan penyimpangan bahasa yang menyalahi peraturan yang diperakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai badan perancang dan peneraju bahasa di Malaysia.

Selain itu, berdasarkan kajian ini, konsep *poetic license* perlu dibetulkan pemahamannya, iaitu eksplorasi atau manipulasi bahasa oleh pengarang tanpa melakukan sebarang bentuk penyimpangan dalam karya mereka. Konsep ini merupakan satu inovasi dalam penggunaan bahasa, iaitu penggunaan bahasa yang baru, segar, dan variasi yang pelbagai. Begitu juga halnya dengan gaya. Seseorang pengarang itu seharusnya menggunakan gaya yang baru dalam penulisan mereka asalkan tidak menyimpang daripada peraturan bahasa yang sebenar.

Supaya gejala penyimpangan penggunaan bahasa dapat diatasi dengan segera dan bahasa Melayu digunakan dengan betul, khususnya dalam karya sastera, disarankan

1. Diadakan seminar, forum, simposium, konvensyen, dan kursus intensif bahasa Melayu dari semasa ke semasa kepada pengarang, penulis, dan penyair untuk menimbulkan kesedaran di kalangan mereka kerana mereka adalah antara golongan yang besar peranannya dan pengaruhnya dalam masyarakat agar menguasai bahasanya secara sedar dan menjadi tokoh memperjuangkan kesedaran berbahasa di kalangan sasterawan dan menjadi contoh dan *roll model* kepada masyarakat.
2. Sikap penulis atau pengarang itu sendiri yang tidak mengambil berat terhadap penggunaan bahasa Melayu hendaklah dihapuskan. Sikap yang menganggap diri mereka sudah pandai, padahal kurang pengetahuan, dan kemahiran dalam bahasa tersebut perlu dibuang dan dikikis.
3. Sasterawan, penulis dan pengarang mesti menyedari kelemahan dan kekurangan mereka sebagai manusia. Mereka tidak boleh menganggap penggunaan bahasa mereka tidak ada cacat celanya. Mesti ada kesalahan dalam penulisan mereka. Hanya dengan kesedaran ini, mereka mahu membaca kembali

tulisan mereka, membaiki kesalahan yang tidak sengaja dilakukan. Mereka mestilah melazimkan yang betul dan membetulkan yang lazim.

4. Dewan Bahasa dan Pustaka yang berfungsi sebagai badan perancang bahasa di Malaysia disarankan :

4.1 Bagi bidang-bidang khusus, seperti karya sastera, perlu diadakan pedoman penulisan yang khusus. Pedoman atau panduan ini penting disebabkan terdapat penyimpangan bahasa yang berpunca daripada kekacauan atau kekeliruan kerana wujudnya faktor-faktor dalam penggunaan sesuatu bahasa, misalnya bentuk bahasa formal seperti bahasa persuratan, bahasa akademik, bahasa kesusteraan — sajak, novel, cerpen — bahasa tidak formal seperti dialek, dan bahasa pasar.

4.2 Memperbanyak risalah tentang pedoman dan panduan penulisan kreatif untuk diedarkan secara percuma kepada sasterawan, penulis, pengarang, dan juga kepada orang ramai.

4.3 Memperbanyak siaran pedoman atau panduan penulisan kreatif melalui media cetak dan majalah secara tetap agar dapat diikuti dan difahami.

5.Di peringkat sekolah, terutamanya di sekolah menengah rendah, pelajar perlu dipupuk dan disemai dengan nilai-nilai cintakan bahasa agar mereka sejak kecil lagi begitu memandang serius mengenai bahasa. Usaha Kementerian Pendidikan memperkenalkan Komponen Wajib Kesusastraan Melayu dalam mata pelajaran bahasa Melayu mulai tahun 2000 amat wajar. Melalui usaha ini, para pelajar diberi pengetahuan tentang pertalian antara bahasa dengan karya sastera. Guru boleh mendidik pelajar tentang perlunya bahasa dipelihara walau dalam bidang apa pun yang dibicarakan. Usaha ini akhirnya akan melahirkan generasi baru dalam bidang sastera yang berusaha untuk menerapkan penggunaan bahasa yang optimum, kreatif, dan inovatif tanpa melakukan sebarang bentuk penyimpangan.

Kajian ini merupakan percubaan awal penulis dalam membincarakan penyimpangan bahasa dalam karya sastera, iaitu novel *Tok Guru* dan *Di Hadapan Pulau*. Kajian ini hanya meneliti penyimpangan bahasa dari sudut tatabahasa, morfologi, dan sintaksis. Terdapat banyak lagi aspek lain yang boleh dikaji dan diperincikan sama ada dari sudut tatabahasa, fonetik dan fonologi, morfologi, sintaksis, dan juga semantik. Antara kajian berkaitan yang boleh dilaksanakan adalah seperti yang berikut :

- i) Penyimpangan morfologi, dengan keterangan yang dilengkapi dengan rumus dan rajah-rajab pohon yang sesuai.

- ii) Penyimpangan semantik, khususnya mengenai diksi, homofon, homonim, antonim, sinonim, homografi, peribahasa, dan seumpamanya.
- iii) Penyimpangan sintaksis dengan penekanan kepada aspek struktur dan binaan ayat atau jenis ayat dalam karya sastra.

Dengan ini disarankan agar kajian yang lebih lanjut dibuat dan dilakukan oleh pengkaji seterusnya sama ada membuat perbandingan antara penulis ataupun tidak. Kajian ini harus disusuli dengan kajian lain bagi melihat penyimpangan bahasa yang terdapat dalam novel-novel lain dan oleh pengarang lain.